



PERDANA Menteri merasmikan pelancaran Malaysia Transnational Trading Corporation di Shah Alam semalam.— Gambar Berita Harian.

Sektor swasta perlu diberi peluang— Dr Mahathir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SHAH ALAM, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor swasta yang telah diberikan peluang untuk memakmurkan negara ini perlu bertindak dengan lebih positif menyusun semula kegiatan mereka bagi menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku dalam pembangunan negara.

Katanya, langkah beberapa syarikat mengepikan kepentingan diri sendiri dan berusaha berbilang-sungguh memajukan syarikat usahanya sama mereka bagi galakan perdagangan luar adalah satu pengorbanan untuk mencapai hasrat mempertingkatkan perdagangan antarabangsa negara ini.

Langkah-langkah seperti itu jika dilaksanakan oleh banyak syarikat swasta di negara ini pasti akan memperbaiki lagi ekonomi negara, kata Perdana Menteri.

Ketika berucap merasmikan pelancaran Syarikat Malaysian Transnational Trading Corporation (Mattra) di sini hari ini, beliau berkata ketahanan ekonomi Malaysia dapat dilihat dari pertumbuhan yang dicapainya walaupun dalam suasana kemelesetan ekonomi.

"Jumlah perdagangan negara ini dengan dunia luar pada tahun ini berjumlah \$62,900 juta dan angka ini dijangka bertambah sebanyak 10.2 peratus dari tahun lalu," katanya.

Kelemahan

Bagaimanapun, katanya ada kelemahan dalam industri perkhidmatan perdagangan luar di mana pada tahun 1984 kurangan yang akan dihadapi dalam akaun perkhidmatan ialah \$7,200 juta.

Ini adalah kesan dari pertambahan bayaran pengangkutan dan insurans serta pengaliran keluar pendapatan dari pe-

laburan, kata Perdana Menteri.

"Perkara ini hanya dapat diatasi jika kita mengambil langkah mempertingkatkan kegiatan dalam bidang perkhidmatan ini dalam perdagangan antarabangsa," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, persaingan yang hebat dalam perdagangan antarabangsa dan sentimen perlindungan yang diamalkan oleh setengah negara maju menjadikan perdagangan bertambah kurang terutama bagi negara-negara industri yang sedang membangun.

"Oleh itu, hanya dengan penyertaan yang lebih bersungguh-sungguh oleh sektor swasta dengan menggunakan dimensi serta perpektif yang baru dapat masalah kurangan perdagangan 'tidak nyata' ini dibendung di samping memperkembangkan perdagangan kita," katanya.

Menurutnya, selalu diperkatakan yang langkah Malaysia untuk memasuki perdagangan antarabangsa secara langsung kerap dihalang oleh kekurangan infrastruktur perkhidmatan tempatan dan juga sokongan kerajaan.

"Tetapi yang penting sekarang ialah berusaha menghadapi masalah-masalah itu walaupun ada halangan yang dikatakan itu dan usaha ini adalah lebih penting kerana ia mencerminkan keazaman serta kegigihan pelabur-pelabur dan keupayaan kita untuk menembusi ekonomi yang bebas dan terbuka ini," katanya.

Dihalang

Kerajaan akan memberikan sokongan dan bantuan yang bermakna kerana langkah itu adalah sejajar dengan aspirasi nasional, tegasnya.

Mengenal pengwujudan syarikat-syarikat perdagangan antarabangsa, Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat Malaysia perlu sedar bahawa untuk dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa secara langsung mestilah kita mempunyai keupayaan dari segi kos dan perkhidmatan serta cukup besar untuk berdagang dengan lebih berkesan.

Pendekatan yang lebih bermakna ke arah ini adalah seperti yang dilakukan oleh Mattra iaitu menerapkan konsep-sogoshosha yang telah diamalkan dengan jayanya di Jepun.